

Adaptasi novel ke filem, drama berbeza ikut mesej, kreativiti

Akhir-akhir ini begitu banyak filem atau drama bersiri yang lahir daripada novel. Drama seperti *Nora Elena*, *Ariana Rose*, *Love You Mr Arrogant*, *Kampung Girl* dan *Yess Boss* antara yang paling popular.

Episod akhir *Love You Mr Arrogant* misalnya memperlihatkan rating tontonan mencecah 4.6 juta. Adaptasi ke bentuk filem yang paling berjaya pula pastinya nukilan pengarah Osman Ali yang mengadaptasi novel Fauziah Ashaari, *Ombak Rindu* yang menjadi filem box office dengan kutipan hampir RM11 juta.

Di Barat, filem adaptasi novel awal yang cemerlang ialah *Gone With the Wind*. Filem arahan Victor Fleming itu adalah nukilan pemenang Anugerah Pulitzer tahun 1936 yang mengisahkan Perang Saudara Amerika Syarikat klasik dan memenangi banyak anugerah pada peringkat antarabangsa.

Filem Harry Potter jadi fenomena kepada penonton


Selain itu, pastinya kejayaan *Harry Potter* tulisan JK Rowling adalah antara novel fantasi paling berjaya dekad ini. Dengan keseluruhan tujuh siri novel dan lapan filem, *Harry Potter* bukan sahaja menjadi satu fenomena dalam kalangan penonton pelbagai peringkat umur, tetapi turut menjadikan pelakonnya Daniel Radcliffe yang membawakan watak Harry dan Emma Watson yang memainkan watak Hermione antara pelakon kanak-kanak terkaya di dunia.

Fantasi *Harry Potter* bermula dengan novel pertama yang diterbitkan pada tahun 1997 iaitu *Harry Potter and the Philosopher's Stone*. Siri-siri ini diterjemahkan ke dalam 67 bahasa, dan dijual sehingga 450 juta naskah di seluruh dunia.

Di negara jiran Indonesia pula, novel Andrea Hirata berjudul *Laskar Pelangi* diangkat menjadi filem pada tahun 2008 dengan merekodkan filem tontonan tertinggi di Indonesia dengan 4.6 juta penonton. Filem olahan pengarah Riri Riza dan kemudian dijadikan drama bersiri.

Laskar Pelangi mengisahkan kehidupan 10 kanak-kanak daripada keluarga miskin meruntun hati penonton dan sirinya menjadi ikutan jutaan orang. Populariti ini diikuti dengan filem *Habibie dan Ainun* arahan Faozan Rizal dengan 4.4 juta penonton. Filem ini adalah adaptasi daripada memoir yang berjudul sama tulisan BJ Habibie untuk mengenang arwah isterinya Ainun.

Karya *Ayat-Ayat Cinta* tulisan Hanung Bramantyo yang dihasilkan pada tahun 2008 mencapai 3.6 juta penonton, menjadikan filem adaptasi novel terlaris tulisan Habiburrahman El-Shirazy ini filem ketiga paling popular di Indonesia. Habiburrahman atau nama penanya



Antara novel yang diadaptasi ke filem dan drama.

Kang Abik dinobatkan sebagai novelis nombor satu Indonesia oleh Insani Universitas Diponegoro. Graduan Universiti Al-Azhar, Mesir ini juga bukan hanya popular di Indonesia, tetapi juga Malaysia, Singapura, Brunei, Hong Kong, Taiwan dan Australia.

Penulis novel tak puas hati

Berkait dengan isu adaptasi novel ke filem atau drama di negara ini, ia banyak berkisar dengan isu rasa tidak puas hati pada pihak penulis novel, yang novelnya dicantas, ditokok tambah dari pelbagai segi termasuk watak dan perwatakannya.

Geoffrey Wagner menjelaskan terdapat tiga cara utama adaptasi boleh dilakukan. Pertama, *transposition* yang mana karya asal tidak banyak mengalami perubahan berbanding produk adaptasi iaitu filem yang dihasilkan. Kedua, *commentary*, iaitu hasil adaptasi telah mengalami per-

ubahan yang perlu dalam proses penghasilannya, dan ketiga, *analogy* yang mana keseluruhan novel diubah menghasilkan karya baharu dengan hanya mengekalkan idea asal karya.

Darjah perubahan yang berbeza-beza ini sebenarnya adalah contoh apa yang dikatakan sarjana komunikasi Marshall McLuhan bertahun-tahun lalu, bahawa 'Media adalah mesej', yang mana daripada cerita yang sama (mesej), apabila medium persembahannya berubah, maka berubahlah mesej yang hendak disampaikan.

Namun, perdebatan ini bukanlah masalah terasing yang dialami di Malaysia sahaja. Hakikatnya, apabila berlaku perubahan media terhadap mesej, penulis serta penonton harus menerima bahawa adaptasi filem atau drama yang dihasilkan itu adalah suatu karya baharu. Mungkin hal ini tidak mudah diterima terutama di pihak penulis novel, tetapi jika teori 'Media adalah mesej' digunakan, ia dapat membantu sedikit sebanyak perbezaan yang berlaku dalam proses adaptasi.

Selain itu, Brian McFarlane dalam bukunya, *Novel to Film: An Introduction to the Theory of Adaptation* mengakui bahawa antara cabaran adaptasi ialah meneruskan pandangan dunia psikologi dua medium yang berbeza ini. Misalnya, dalam filem atau drama, suara latar tidak disiarkan lama, berbanding latar novel yang boleh diceritakan dengan jelas dalam ruang yang bebas oleh penulis.

Filem perlu kreativiti, novel lebih kepada pemikiran

Dalam kalangan penonton, hal ini juga berkait rapat dengan bagaimana filem ditonton dan novel dibaca. Filem memerlukan daya kreativiti untuk dihayati dan novel lebih kepada pemikiran analitikal. Filem selalunya ditonton dalam kelompok tertentu, keluarga atau rakan dan imaginasi dibantu oleh kelompok ini. Tetapi, novel sering kali dibaca sendirian yang mana bahasa dan imaginasi memainkan peranan penting dalam usaha memahaminya.

Perbezaan ini mungkin perlu difahami dan mula diterima pengkarya seni. Sungguhpun benar, jika kita penulisnya, kita akan mempertahankan keaslian 'mesej' yang cuba disampaikan, namun apabila 'medium' berubah, kita juga perlu bijak 'bermain' dalam aturan perubahan itu tadi demi meraikan kepelbagaian medium dan variasi mesej yang terhasil kesan daripada kepelbagaian itu tadi.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM & pelajar USIM



SHAHBUDIN
EMBUN



DR SITI SURIANI OTHMAN
DAN NOR HASANIAH
MUHAMMAD YUSOFF